

Isu dan Cabaran Pengajaran Bahasa Melayu di Luar Negara: Pengalaman di Universiti China

Zaiton Zakarya^{1*} dan Hawa Mahfuzah Rusidin²

¹Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Budaya Asia, Universiti Pengajian Asing, Guangdong, China.

²Jabatan Bahasa Melayu, Sekolah Pengajian Asia Tenggara, Universiti Minzu Yunnan, Kunming, China.

ABSTRAK

Bahasa Melayu mempunyai sejarah yang lama sebagai bahasa yang ditawarkan di institusi-institusi luar negara seperti di Belanda, Perancis, Jerman, Jepun, Korea, dan di China. Jika dilihat pada hari ini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing semakin berkembang di China. Saban tahun kursus bahasa Melayu semakin menjadi pilihan mahasiswa di China. Negara China mempunyai populasi penduduk yang tinggi dan rata-rata penduduknya bertutur dalam bahasa Mandarin. Namun begitu terdapat bahasa lain juga ditawarkan dan dipelajari di sini dan salah satunya ialah bahasa Melayu. Keperluan modal insan yang mahir berbahasa asing menyebabkan banyak universiti di China menawarkan bahasa-bahasa asing ini. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 10 buah universiti dan kolej di China yang menawarkan kursus bahasa Melayu sama ada pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, dan ijazah sarjana. Perkembangan pengajian bahasa Melayu ini amat memberangsangkan. Pelbagai kursus telah ditawarkan oleh universiti untuk melahirkan mahasiswa China yang mampu menguasai kemahiran bertutur, mendengar, menulis, membaca, dan menterjemah dalam bahasa Melayu. Penulisan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing kepada mahasiswa di China. Penulisan ini juga turut membincangkan isu dan cabaran yang perlu ditempuh oleh dua tenaga pengajar bahasa Melayu iaitu dari Universiti Pengajian Asing Guangdong dan Universiti Minzu Yunnan.

Kata Kunci: Isu, Cabaran, Pengalaman, Bahasa Melayu, Mahasiswa China.

ABSTRACT

The Malay language has been long taught as a foreign language in overseas institutions such as the Netherlands, France, Germany, Japan, Korea, and China. Nowadays, the teaching and learning of Malay as a foreign language is growing in China. Each year Malay language courses are becoming increasingly popular among Chinese students. China has a large population and most of them speak in Mandarin. However, there are other languages being offered and learnt in the mainland China and one of them is Malay. The need of students who are proficient in the language makes many universities in China offer Malay language courses. Up to nowadays, there are about 10 universities and colleges in China offering Malay language courses including diploma, undergraduate, and postgraduate schools. The development of Malay language is very encouraging. Various courses are being offered by universities to have Chinese graduates who are able to master speaking, listening, writing, reading, and translating skills in Malay. This writing is intended to share the experiences of teaching Malay as a foreign language to students in China. This writing also discusses the issues and challenges that are encountered by two Malay language instructors from Guangdong University of Foreign Studies and Yunnan Minzu University.

Keywords: Issue, Challenge, Experience, Malay Language, Chinese Students.

*Koresponden: zaitonzakaryagdufs@gmail.com

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di China sudah lama ditawarkan di negara China dan mula bertapak di Beijing iaitu di Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing (BFSU). Jika dilihat dari segi sejarah, hubungan China dan tanah Melayu sudah lama dicatatkan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Akrabnya hubungan antara tanah Melayu dan China ini dapat dilihat dalam beberapa bukti penting seperti pengutusan Laksamana Zheng He (Cheng Ho) dan kekerapan raja Melaka ke benua China yang turut dicatatkan dalam *Sulalatus Salatin* dan buku-buku sejarah China. Hubungan yang erat antara dua tamadun ini tidak dapat disangkal lagi. Kini, keperluan modal insan yang berbahasa Melayu amat diperlukan bagi perkembangan hubungan kedua-dua negara iaitu Malaysia dan China. Hal ini demikian kerana China sedang mengembangkan perniagaan di dalam negara mahupun luar negara dan sedang meneroka pasaran di luar negara termasuklah di Malaysia. Inisiatif “Satu Jalur Satu Jalan” yang giat dijalankan oleh China ini bertujuan untuk memperluas hubungan dengan negara asing disamping memajukan lagi sektor ekonomi di rantau Asia dan Eropah. Oleh itu, semakin banyak universiti menawarkan jurusan bahasa asing untuk melahirkan mahasiswa yang berkemahiran dan berkebolehan berbahasa asing bagi memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat dan negara.

Mesyuarat Meja Bulat Perkembangan Jurusan Bahasa Melayu di China Kali Pertama di BFSU (Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Beijing) yang diadakan pada 4 Januari 2019 yang lalu telah membincangkan keadaan semasa dan hala tuju perkembangan pengajaran bahasa Melayu di China. Usaha sama BFSU dan Kedutaan Besar Malaysia ini telah menyemarakkan dan memperkasakan perkembangan bahasa Melayu dan pengajian Melayu di negara China. Sehingga tahun 2019 ini, terdapat lebih kurang 10 universiti dan kolej yang menawarkan kursus bahasa Melayu untuk diploma, ijazah sarjana muda, dan sebahagiannya hingga ijazah sarjana termasuklah di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS), Universiti Minzu Yunan, Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Beijing (BFSU), Universiti Komunikasi China (CUC), , Universiti Etnik-etnik Guangxi, Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Tianjin, Universiti Pengajian Antarabangsa Xian, Universiti Kejuruteraan Maklumat Kampus Luoyang, Kolej Perguruan Minjiang, dan Kolej Pengajian Bahasa-bahasa Asing Hainan. Dalam perkembangan yang sama, Universiti Guangxi, Kolej Lijiang Universiti Perguruan Guangxi, dan Kolej Vokasional Perniagaan Guangxi juga telah mendapat mandat Kementerian Pendidikan China untuk menubuhkan jabatan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga beberapa institusi pendidikan tinggi yang menawarkan bahasa Melayu sebagai kursus elektif (kursus pilihan) seperti di Universiti Pengajian Asing Hebei.

Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS) yang terletak di selatan China iaitu dalam provinsi Guangdong ini merupakan universiti yang telah didirikan pada tahun 1964 dan semakin berkembang dengan pesatnya. Sehingga kini, GDUFS telah menawarkan 26 bahasa asing termasuklah bahasa Melayu. Jabatan Bahasa Melayu terletak di bawah Fakulti Bahasa dan Budaya Asia yang terdiri daripada beberapa bahasa di Asia iaitu bahasa Indonesia, bahasa Laos, bahasa Myanmar, bahasa Kemboja, bahasa Vietnam, bahasa Korea, bahasa Thailand, dan bahasa Melayu. Jabatan Bahasa Melayu telah ditubuhkan pada tahun 2014 dan pengambilan mahasiswa bermula pada September 2015. Jabatan Bahasa Melayu di GDUFS telah mendapat mandat dan watakah pelantikan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan pengembangan bahasa Melayu di Republik Rakyat China pada 2 Disember 2014. Jabatan Bahasa Melayu kini mempunyai 48 orang mahasiswa dan 4 orang pensyarah. Dalam Jabatan Bahasa Melayu terdapat 20 orang mahasiswa tahun keempat, 18 orang mahasiswa tahun ketiga, dan 10 orang mahasiswa tahun satu. Para pensyarah pula terdiri daripada tiga orang pensyarah China dan seorang pensyarah dari Malaysia. Mahasiswa akan mengikuti kursus bahasa Melayu selama empat tahun untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa Melayu.

Manakala Universiti Minzu Yunnan (YMU) pula terletak di dalam provinsi Yunnan iaitu di barat daya China. Yunnan bersempadan dengan Guangxi, Sichuan dan Tibet juga bersempadan antarabangsa dengan negara Vietnam, Laos dan Myanmar. YMU merupakan universiti yang diasaskan oleh Suruhanjaya Hal Ehwal Etnik Negeri dan Kerajaan Rakyat Wilayah Yunnan. YMU juga merupakan salah satu universiti terawal di China yang ditujukan kepada semua kumpulan etnik dan ditubuhkan pada 1 Ogos 1951 di Kunming. Di YMU terdapat Sekolah Pengajian Asia Tenggara yang menawarkan lapan bahasa asing termasuklah bahasa Melayu, Thailand, Vietnam, Myanmar, Kemboja, Indonesia, Laos dan yang terbaharu bahasa Filipina. Jabatan Bahasa Melayu di YMU ditubuhkan pada 2009 dan pengambilan pelajar bermula pada tahun 2010. Sejak ditubuhkan hingga kini, YMU menerima seramai 4 orang pensyarah asing dari Malaysia secara bergilir-gilir. Jabatan Bahasa Melayu mempunyai 88 orang mahasiswa dan 5 orang pensyarah. Mahasiswa terdiri daripada 21 orang untuk tahun satu, 15 orang tahun dua, 22 orang tahun tiga dan seramai 30 orang mahasiswa untuk tahun empat. Pensyarahnya pula terdiri daripada empat orang pensyarah China dan seorang pensyarah dari Malaysia. Sama seperti di GDFUS, pelajar jurusan Bahasa Melayu di YMU juga mengikuti kursus bahasa Melayu selama empat tahun.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di negara China ini, penulis menghadapi beberapa cabaran dan halangan yang perlu ditempuhi. Pengambilan mahasiswa ini bermula selepas mereka tamat sekolah menengah. Rata-rata mahasiswa ini mula masuk ke universiti bermula pada umur 17 tahun dan 18 tahun. Mahasiswa yang telah mendaftar ke universiti dan memilih jurusan bahasa Melayu, mereka akan belajar mengenai asas-asas bahasa Melayu merangkumi ejaan suku kata berdasarkan sistem bunyi bahasa Melayu, perbualan asas untuk komunikasi formal dan tidak formal, perbualan di telefon, kaunter-kaunter awam dan sebagainya pada peringkat awal. Seterusnya, mereka akan diberi pendedahan am tentang pengetahuan am Malaysia dan akan belajar bahasa Melayu dalam kemahiran membaca, menulis, mendengar, bertutur, dan menterjemah.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu:

- i. membincangkan isu semasa bahasa Melayu di China
- ii. mengenal pasti masalah dan cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing
- iii. berkongsi pengalaman sebagai pensyarah asing di China

SOROTAN KAJIAN

Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia yang telah ditulis oleh Khuzaiton binti Zakaria dan Thana binti Abdullah Universiti Malaysia Kelantan. Dalam penulisan tersebut, penulis berkongsi pengalaman mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing atau orang asing yang berada di Universiti Malaysia Kelantan. Menurut kajian tersebut, pelajar asing mempelajari bahasa Melayu kerana kursus berkenaan diwajibkan kepada mereka seperti yang terdapat dalam peraturan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Penulisan tersebut telah membincangkan kurikulum bahasa Melayu yang digunakan termasuklah pengenalan kepada bahasa Melayu, memahami kosa kata mudah, membina kosa kata, latihan menyebut dan bertutur dan latihan mendengar. Penulis menggunakan terjemahan bahasa Inggeris bagi sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada bulan pertama kerana pelajar tidak mempunyai asas tentang bahasa Melayu. Antara cabaran dalam menguasai bahasa Melayu yang dikongsikan ialah pelajar lebih suka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris apabila berjumpa dengan pensyarah atau rakan-rakan mereka dan masyarakat di Kelantan menggunakan dialek Kelantan apabila mereka

berkomunikasi. Penulis turut berkongsi bahawa pelajarinya masih lemah untuk berkomunikasi secara lancar dan belum fasih untuk berbahasa Melayu sepenuhnya. Mereka sebaliknya memerlukan dorongan dan motivasi dan juga perubahan sikap untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lancar.

Zhang Xian (Melur) dalam artikelnya yang bertajuk "*Mempelajari dan Menggunakan Bahasa Melayu Sebagai Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Beijing Foreign Studies University dan China Radio International*" telah berkongsi pengalaman tentang bahasa Melayu di China iaitu di Beijing, China. Dalam artikel tersebut, Melur telah berkongsi pengalamannya sebagai penuntut bahasa Melayu untuk memperoleh ijazah sarjana muda dan sebagai penterjemah serta juruhebah radio di bahagian bahasa Melayu, China Radio International (CRI). Penulis berkongsi buku yang digunakan dan kaedah pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di sana. Antara buku teks yang digunakan ialah buku teks Bahasa Melayu untuk Pelajar China. Menurut penulis juga, pengajaran bahasa Melayu di universiti di China lebih banyak memfokuskan kemahiran menulis, membaca, dan terjemahan tulisan bahasa Melayu. Oleh itu, kemahiran lisan menjadi satu kelemahan bagi mahasiswa China. Artikel tersebut turut membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar China dalam dua fasa, iaitu peringkat mempelajari bahasa Melayu dan peringkat menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa berinteraksi dengan penutur asli bahasa Melayu di Malaysia. Berdasarkan kajian tersebut, Melur telah menyenarai cabaran utama termasuklah kekurangan bahan pengajaran dan bahan bacaan di BFSU, kekurangan peluang untuk berkomunikasi dengan penutur asli bahasa Melayu di luar kelas, faktor bahasa ibunda, dan cabaran mengenali dan mendekati budaya di Malaysia.

Seterusnya kajian oleh Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2017) yang bertajuk *Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing*. Kajian ini dijalankan melalui temu bual bersama 10 orang responden yang terdiri daripada pelajar di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kekangan pelajar yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kajian ini juga meneliti tindakan yang diambil oleh pelajar untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam mempelajari bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari bahasa Melayu, antaranya ialah penterjemahan, tatabahasa, kosa kata, sebutan dan juga imbuhan. Berdasarkan kajian tersebut didapati bahawa masalah linguistik merupakan masalah utama dalam pembelajaran bahasa Melayu. Selain itu, hasil kajian juga mendapati pelajar menggunakan beberapa cara untuk mengatasi masalah tersebut, seperti mengulangi sebutan sesuatu kosa kata, mempelajari lebih banyak kosa kata, menulis dan menghafal kosa kata, memahami konteks sesuatu situasi, menggunakan kamus dan cuba berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu. Pengkaji mencadangkan bahawa guru perlu melakukan analisis linguistik kontrastif untuk mencari persamaan dan perbezaan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran agar dapat menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai dan berkesan untuk para pelajar. Hal ini dapat mengurangkan masalah linguistik yang dialami oleh pelajar dan menjadikan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing lebih menarik dan efektif.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah tinjauan deskriptif yang bertujuan untuk berkongsi isu dan cabaran yang dihadapi oleh pensyarah ketika proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di negara China. Kajian ini dijalankan di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS) yang terletak di selatan China dan Universiti Minzu Yunnan di Kunming. Masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang dikenal pasti sepanjang mengajar bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa China ini turut dilakukan. Oleh itu, pensyarah telah mengumpul data semasa proses pengajaran dan pembelajaran ini selama beberapa tahun.

Sampel data kajian diambil daripada beberapa karangan pelajar. Mahasiswa yang terlibat ialah mahasiswa dari Jabatan Bahasa Melayu yang telah mengikuti kuliah bahasa Melayu selama empat tahun. Pengumpulan data ini berdasarkan pengalaman pensyarah sendiri. Kajian ini mengambil kira kaedah kepustakaan serta tinjauan dan penelitian semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di China.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kurikulum Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS)

Di GDUFS, mahasiswa perlu mengikuti pelbagai kuliah bahasa Melayu yang telah disusun oleh pihak jabatan dan fakulti. Pada tahun ketiga semester pertama, mahasiswa akan mengikuti program pertukaran kredit di Malaysia sama ada di Universiti Malaya mahupun Universiti Sains Malaysia. Kedua-dua universiti ini telah menandatangani kerjasama (MOU) dengan Jabatan Bahasa Melayu di GDUFS.

Skop dan isi kandungan yang terdapat dalam kursus-kursus bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Melayu, GDUFS adalah seperti berikut :

Kursus Wajib Jabatan Bahasa Melayu

Jadual 1.0 Kursus subjek wajib di GDUFS

Tahun Pertama Semester 1	Tahun Pertama Semester 2
1. Bahasa Melayu 1 2. Keadaan Am Malaysia 1	1. Bahasa Melayu 2 2. Bahasa Melayu Audio dan Visual 1 3. Bahasa Melayu Lisan 1
Tahun Kedua Semester 1	Tahun Kedua Semester 2
1. Bahasa Melayu 3 2. Bahasa Melayu Lisan 2 3. Bahasa Melayu Audio dan Visual 2 4. Pembacaan Bahasa Melayu 1	1. Bahasa Melayu 4 2. Bahasa Melayu Audio dan Visual 3 3. Pembacaan Bahasa Melayu 2
Tahun Ketiga Semester 1 (Pertukaran Kredit - Pertukaran Pelajar ke Malaysia)	Tahun Ketiga Semester 2
1. Bahasa Melayu Tinggi 1	1. Bahasa Melayu Tinggi 2 2. Tatabahasa Bahasa Melayu 3. Sastera Bahasa Melayu 1 4. Penterjemahan 1
Tahun Keempat Semester 1	Tahun Keempat Semester 2
1. Sastera Bahasa Melayu 2 2. Penterjemahan 2 3. Penulisan Bahasa Melayu	1. Penulisan Latihan Ilmiah 2. Latihan Industri

Kursus Pilihan Jabatan Bahasa Melayu

Bagi kursus pilihan pula hanya dimulakan pada tahun kedua pembelajaran.

Jadual 2.0 Kursus subjek pilihan di GDUFS

Tahun Kedua Semester 1	Tahun Kedua Semester 2
1. Keadaan Am Malaysia 2	1. Bahasa Melayu Pelancongan
Tahun Ketiga Semester 1 (Pertukaran Kredit - Pertukaran Pelajar ke Malaysia)	Tahun Ketiga Semester 2
1. Surat Khabar Malaysia 1 2. Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia 3. Sejarah Malaysia	1. Surat Khabar Malaysia 2 2. Penterjemahan Lisan Bahasa Melayu 1 3. Bangsa dan Agama Malaysia 4. Keadaan Am Brunei Darussalam dan Singapura 5. Bahasa Perdagangan
Tahun Keempat Semester 1	Tahun Keempat Semester 2
1. Berita Malaysia 3 2. Penterjemahan Bahasa Melayu 2 3. Politik dan Ekonomi Malaysia	1. Hubungan China - Malaysia 2. Perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia

Kurikulum Bahasa Melayu di Universiti Minzu Yunnan, Kunming.

Di YMU, mahasiswa perlu mengikuti pelbagai kelas berkaitan bahasa Melayu yang telah disusun oleh pihak universiti. Mahasiswa jurusan bahasa Melayu di Sekolah Pengajian Asia Tenggara ini pada tahun ketiga diberikan pilihan sama ada mahu pergi ke Malaysia atau tidak. Pada tahun ketiga, mahasiswa yang mahu ke Malaysia akan dihantar ke sana untuk menjalankan kuliah pertukaran kredit dengan mana-mana universiti yang mempunyai kerjasama MOU dengan YMU sama ada UKM, UM mahupun USM. Manakala pelajar yang tidak pergi ke Malaysia mereka akan tetap meneruskan kuliah mereka seperti biasa di YMU.

Skop dan isi kandungan yang terdapat dalam kursus-kursus bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Melayu, YMU adalah seperti berikut :

Jadual 3.0 Kursus Bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Melayu di YMU

Tahun Pertama Semester 1	Tahun Pertama Semester 2
1. Bahasa Melayu Asas 2. Sebutan Bahasa Melayu 3. Keadaan Umum Negara Malaysia	1. Bahasa Melayu Asas 2. Pendengaran Bahasa Melayu 3. Lisan Bahasa Melayu 1 4. Penulisan dan Pembacaan Bahasa Melayu
Tahun Kedua Semester 1	Tahun Kedua Semester 2
1. Bahasa Melayu Asas 2. Pendengaran Bahasa Melayu 3. Lisan Bahasa Melayu 2 4. Penulisan dan Pembacaan Bahasa Melayu 2	1. Bahasa Melayu Asas 2. Budaya Malaysia 3. Pendengaran Bahasa Melayu 4. Lisan Bahasa Melayu 3 5. Penulisan dan Pembacaan Bahasa Melayu 3
Tahun Ketiga Semester 1	Tahun Ketiga Semester 2
1. Pendengaran dan Pembacaan Bahasa Melayu	1. Penulisan Akademik 2. Agama Malaysia 3. Bahasa Melayu Tinggi

2. Kesusasteraan Malaysia	4. Surat Khabar Malaysia
3. Sejarah Malaysia	5. Tatabahasa Melayu
4. Surat Khabar Malaysia	6. Kesusasteraan Malaysia 2
5. Penulisan Akademik	
6. Bahasa Melayu Tinggi	
<hr/>	
Tahun Keempat Semester 1	Tahun Keempat Semester 2
1. Teori Terjemahan dan Pengamalan antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Mandarin	1. Penulisan Perniagaan Bahasa Melayu 2
2. Penulisan Perniagaan Bahasa Melayu	2. Penterjemahan Bahasa Melayu
3. Penghargaan Filem Malaysia	3. Penghargaan Filem Malaysia 2
4. Perbandingan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia	4. Teori Terjemahan dan Pengamalan antara Bahasa Melayu dengan Bahasa Mandarin
5. Keadaan Negara Indonesia	
<hr/>	

MASALAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI CHINA

Bahasa Melayu baku ialah bahasa Melayu yang sempurna dari segi penggunaan aspek-aspek bahasanya iaitu betul dari segi ejaan, istilah, penggunaan kata, laras bahasa, dan sebutan. Bagi bahasa Melayu, dasar umum telah ditetapkan bahawa sebutan baku bahasa Melayu hendaklah berdasarkan ejaan, iaitu sebutan menurut perlambangan huruf dan penyukuan kata, serta fungsinya dalam ayat. Bagi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di China, penarah turut menekankan sebutan baku dalam proses pembelajaran. Abjad dan huruf bahasa Melayu mengandungi 26 huruf yang tersusun. Huruf vokal, diftong, dan konsonan telah diperkenalkan pada peringkat awal mahasiswa mempelajari bahasa Melayu. Sebutan pada peringkat awal amat dititikberatkan dan memerlukan latihan yang berulang kali selama sebulan mahupun sehingga satu semester. Sebutan merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa kerana tanpa sebutan, seseorang tidak dapat bertutur dengan orang lain. Sebutan menjadi elemen penting bagi mahasiswa menunjukkan proses pembelajaran mereka dan seterusnya menunjukkan kefasihan mereka dalam bahasa Melayu.

Dalam sistem ejaan Rumi, ada lima huruf vokal yang digunakan bagi melambangkan enam fonem vokal atau bunyi vokal baku iaitu *a, e, i, o*, dan *u*. Huruf *e* digunakan untuk melambangkan dua fonem vokal iaitu fonem *e pepet* dan fonem *e taling*. Bagi diftong pula, terdapat tiga pasang huruf diftong yang melambangkan bunyi tiga diftong dalam bahasa Melayu iaitu *ai, au*, dan *oi*. Manakala bagi huruf konsonan pula, ada 26 huruf yang digunakan bagi melambangkan 27 fonem atau bunyi konsonan iaitu *b, c, d, f, g, gh, h, j, k, kh, l, m, n, ng, ny, p, q, r, s, sy, t, v, w, x, y, dan z*. Daripada 26 huruf konsonan itu, terdapat lima huruf gabungan (digraf) iaitu *gh, kh, ng, ny*, dan *sy*. Semasa mempelajari sebutan bagi huruf-huruf rumi bahasa Melayu ini, terdapat beberapa masalah yang timbul bagi mahasiswa di China.

Antara masalah yang kerap timbul dalam kalangan mahasiswa ialah sebutan huruf *r* (getaran gusi). Jika diteliti, ramai mahasiswa pada peringkat awal sukar untuk membunyikan huruf *r* (getaran gusi) kerana dalam bahasa asal mereka iaitu Mandarin atau dialek China yang lain tiada sebutan huruf *r* itu. Walaupun tiada sebutan huruf *r* dalam bahasa Mandarin, namun masih ramai yang mempunyai kemahiran untuk menyebut huruf *r* dan sudah menguasainya. Pengalaman penulis sendiri, kami akan melatih mahasiswa menyebut huruf *r* berulang kali, dan ada yang kami masukkan nama Melayu mereka dengan huruf *r* supaya mereka sering berlatih contohnya nama Suraya, Amir, dan Adira. Namun, ada juga mahasiswa yang sehingga tamat pengajian tidak dapat menyebut huruf *r*. Mereka akan membunyikan huruf *r* seakan-akan huruf *l*, contohnya *orang* akan disebut *olang*, *murah* akan disebut *mulah*.


Selain itu, masalah dalam perbezaan antara konsonan tidak bersuara dan konsonan bersuara contohnya p dan b, t dan d, dan k dan g.

- Huruf p (p) – plosif dua bibir tak bersuara. Contohnya: papan
- Huruf b (b) – plosif dua bibir bersuara. Contohnya : bab
- Huruf t (t) – plosif gusi tak bersuara. Contohnya: tatap
- Huruf d (d) – plosif gusi bersuara. Contohnya: dadih
- Huruf k (k) – plosif lelangit lembut tak bersuara. Contohnya: kakak
- Huruf g (g) – plosif lelangit lembut bersuara. Contohnya: gigi
- Huruf c (c) – afrikat lelangit keras-gusi tak bersuara. Contohnya: cucu
- Huruf j (j) – afrikat lelangit keras-gusi bersuara. Contohnya: jajah

Berdasarkan huruf konsonan di atas, pelajar seringkali menghadapi masalah apabila menyebut perkataan yang mempunyai huruf-huruf tersebut. Contohnya, perkataan *pantai* mereka menyebut *pandai*. Hal ini timbul kerana bagi mereka, konsonan bersuara dan tidak bersuara tidak mempunyai perbezaan. Jika penutur asli menutur perkataan *petang* misalnya, mereka akan keliru sama ada perkataan sebenar yang disebut itu ialah *petang* atau *pedang*. Sering berlaku kekeliruan bagi perkataan yang mempunyai konsonan tersebut bagi mahasiswa tahun pertama sehinggalah mahasiswa tahun akhir. Kesalahan seperti ini akan kerap berlaku jika perkataan yang mereka dengan itu merupakan perkataan baru bagi mereka. Berdasarkan pengalaman penulis sendiri, ada sahaja kesalahan konsonan-konsonan tersebut dalam latihan pendengaran dan lisan. Semasa kuliah pendengaran iaitu kuliah Audio dan Visual, kebanyakan mahasiswa akan membuat kesalahan yang sama. Antara contoh kesalahan adalah seperti berikut :

- i. b-p *bandu* sepatutnya *pandu*
- ii. d-t *hitung* sepatutnya *hidung*
- iii. g-k *garam* sepatutnya *karam*
- iv. c-j *juju* sepatutnya *cucu*

Seterusnya, bagi huruf t,d,k,p,b,j dan h yang terletak di belakang perkataan juga menimbulkan masalah kepada mahasiswa. Contohnya perkataan *adab*, *abad*, *adat*, *lazat*, *wajib*, *tuah*, *cakap*, *asap*, *siap*, dan *katak*. Pensyarah menghadapi pelbagai masalah apabila mahasiswa kerap melakukan kesalahan apabila menulis perkataan ini. Namun, masalah ini semakin berkurangan apabila mahasiswa sering berlatih dan jumlah perkataan yang telah dipelajari dan dikuasai oleh mahasiswa yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Kekeliruan yang sering timbul dalam kalangan mahasiswa dapat dilihat seperti contoh di bawah;



Gambar 1. Kekeliruan konsonan bersuara dan tidak bersuara.

Perkataan asal yang disebut oleh pensyarah ialah *pelajar, sedia, petang, pandai, badan, bagai, khusus, kadi, tali, adat, abad, jujur, syarat, jarak, cucu, pandu, hidung, petik, tempoh, dan papan*. Jika dilihat pada gambar 1 di atas, mahasiswa membuat kesalahan perkataan yang mempunyai konsonan bersuara dan tidak bersuara seperti *pandu* menjadi *bantu*.

Seterusnya, jika kita lihat huruf *e* dalam bahasa Melayu melambangkan dua fonem vokal, iaitu fonem *e pepet* dan fonem *e taling*. Huruf *e pepet* dikenal sebagai huruf *e bertanda* di atas, iaitu *ě* dalam ejaan lama atau ejaan Rumi Za'ba. Namun, tanda diakritik di atas *e pepet* (*ě*) ini tidak lagi digunakan dalam ejaan rumi sekarang. Hal ini telah menyebabkan mahasiswa di China iaitu bukan penutur asli bahasa Melayu kerap melakukan kesilapan apabila menyebut perkataan yang mempunyai huruf *e*. Mereka tidak boleh membezakan bunyi huruf vokal *e* ini sama ada *e pepet* ataupun *e taling*. Jadi, pada peringkat awal, mahasiswa akan dilatih dan dibenarkan menulis *tanda e pepet* (*ě*) bagi memudahkan latihan sebutan mereka. Contoh latihan lafaz bagi *e pepet* (*ě*) yang digunakan dalam kuliah ialah *eja, ekar, esak, bengkel, cetak, pendek, koleh, teh, tauge, dewan, dan boleh*.

Selain dari segi sebutan, intonasi juga memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa asing. Intonasi ialah turun naik atau tinggi rendah nada suara sewaktu bercakap. Untuk menguasai bahasa Melayu, mahasiswa perlulah menguasai intonasi mengikut kesesuaian agar bahasa itu menjadi indah dan tidak kaku sahaja. Masalah dan cabaran ini bermula setelah mahasiswa mula berlatih perbualan dengan ayat-ayat yang lebih panjang. Pertuturan bahasa Melayu boleh kedengaran seperti orang tempatan yang tulen jika mereka sudah menguasai aspek intonasi ini. Aspek intonasi ini digunakan mengikut jenis ayat atau emosi yang ingin disampaikan, jika pelajar bertutur dengan intonasi yang salah, keindahan bahasa itu tidak akan

dapat dicapai. Contoh dalam ayat seruan, jika mereka bertutur tanpa intonasi yang betul, bahasa mereka akan menjadi lebih kaku. Misalnya seperti ayat “*Amboi, pandainya kamu melukis!*”, “*Cuba lihat cara Zaida mengumpul setem*”, dan “*Diakah ibu anda?*”. Jika ketiga-tiga ayat tersebut dibaca tanpa intonasi yang betul, maka akan hilanglah kesan emosi dan keindahan bahasa itu sendiri.

Mereka banyak terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka dan tidak dapat membezakan intonasi yang sesuai semasa bertutur atau berbual. Seperti yang kita tahu, dalam bahasa Mandarin, terdapat empat nada bagi setiap perkataan, jadi mereka sudah biasa mengikut perkataan tertentu, tetapi dalam bahasa Melayu, tidak sama kerana tiada tanda khas atau kaedah tertentu dalam membezakan intonasi itu. Jadi, pensyarah memainkan peranan penting ketika memberi kuliah dan semasa melatih dalam pertuturan kerana mahasiswa akan meniru intonasi itu sedikit demi sedikit. Selepas setahun atau dua tahun, mereka akan lebih membiasakan diri dengan intonasi bahasa Melayu yang lebih asli digunakan oleh penutur asli. Untuk memahirkan intonasi mereka dalam bahasa Melayu, mahasiswa digalakkan menonton drama atau mendengar radio berbahasa Melayu untuk menambah kemahiran bahasa Melayu mereka terutamanya dari segi intonasi.

Bagi bahasa Melayu, sebutan baku ialah sebutan yang digunakan dalam situasi formal atau rasmi. Urusan atau kegiatan rasmi ini termasuklah pengajaran dan pembelajaran formal di institusi pendidikan, ucapan pada khalayak ramai seperti pidato, komunikasi rasmi dan perbincangan dalam sektor awam seperti dalam mesyuarat rasmi dan temu duga, dan siaran melalui media elektronik misalnya pembacaan berita. Walaupun semasa proses pengajaran dan pembelajaran, bahasa baku digunakan dalam kuliah, tetapi masalah timbul apabila mahasiswa mula bertutur dengan orang Malaysia yang tidak menggunakan sebutan baku, sebaliknya menggunakan pelbagai dialek seperti dialek Kedah, dialek Kelantan, dan sebagainya. Mereka akan merasa sukar untuk memahami apabila penutur asli bahasa Melayu bercakap dalam dialek tersendiri. Masalah kepelbagaian dialek di Malaysia ini menyebabkan mahasiswa tidak dapat memahami bahasa Melayu yang dituturkan berbanding dengan ucapan atau berita rasmi yang dirasakan sebutan tersebut lebih mudah didengar dan difahami. Selain itu, di universiti, kami turut menggunakan bahasa Melayu yang sering kali digunakan orang ramai semasa latihan lisan dan bertutur untuk membiasakan mahasiswa bertutur seperti orang tempatan Malaysia. Hal ini untuk memastikan mahasiswa tidak akan kelihatan kaku semasa bertutur dalam bahasa Melayu.

Dari segi tatabahasa pula, mahasiswa masih lagi dipengaruhi oleh struktur tatabahasa bahasa ibunda mereka. Oleh itu, sering berlaku kesalahan yang sama antara mahasiswa. Contohnya: tamen (mereka) dalam bahasa Mandarin mempunyai banyak maksud, bukan sahaja boleh berfungsi untuk kata ganti nama diri orang ketiga malah boleh digunakan bukan untuk orang juga contohnya binatang, benda, atau konsep. Jadi sering kali berlaku kesalahan yang berulang. Contohnya kesalahan ayat seperti berikut:

- i. Kambing-kambing itu sedang meragut rumput. *Mereka* meragut pada waktu petang.
- ii. Undang-undang Melaka dan Pahang merupakan undang-undang awal yang wujud di tanah Melayu. *Mereka* mula digunakan untuk memastikan keselamatan di dalam negara sentiasa terjamin.


Berdasarkan contoh di atas, penulis mendapati mahasiswa menggunakan perkataan *mereka* untuk haiwan dan benda. Hal ini merupakan masalah yang sering muncul dalam penulisan mereka.

Selain itu, dalam bahasa Mandarin juga, penulis mendapati kata hubung *sambil* digunakan dua kali dalam ayat. Ini berbeza dengan bahasa Melayu. Contoh;

- i. Kakak menonton televisyen *sambil* makan. (tatabahasa yang betul)
- ii. Kakak *sambil* menonton televisyen *sambil* makan. (terpengaruh dengan bahasa ibunda)

Seterusnya adalah kesalahan binaan frasa. Kesalahan ini disebabkan pengaruh daripada bahasa ibunda atau bahasa Inggeris. Kebiasaannya mahasiswa akan menterjemah satu ayat ke dalam bahasa ibunda mereka selepas itu terjemah ke dalam bahasa Inggeris dan seterusnya barulah mereka terjemah ke dalam bahasa Melayu. Proses penterjemahan tersebut akan mengganggu penghasilan struktur ayat bahasa Melayu yang betul.

- i. ***Ini ada*** pelbagai jenis aktiviti yang menarik seperti aktiviti sukan, aktiviti kebudayaan, aktiviti perkhemahan.
- ii. Semasa itu, pelajar akan belajar kemahiran yang ***baru*** atau memperkenalkan diri kepada orang ramai, ***nanti*** akan ***meninggi*** kemahiran lagi.
- iii. Itu ***menyebabkan*** suasana yang meriah.




Gambar 2. Kesilapan binaan frasa.

Kesalahan ejaan ini disebabkan mahasiswa keliru berkaitan sebutan perkataan yang mereka sebut dengan tulisan. Kebiasaannya mahasiswa akan menulis perkataan mengikut bunyi sebutan perkataan tersebut. Kesilapan ejaan disebabkan mahasiswa kurang menguasai sebutan bahasa Melayu yang betul. Contohnya, perkataan kedua yang perlu dieja *kedua* menjadi *ketua*. Dalam contoh ini mahasiswa masih keliru aspek sebutan *t* dengan *d*. Selain itu kekeliruan ejaan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu seperti contoh b, perkataan seharusnya di situ ialah *dan* bukannya *and*.

- i. ***Ketua***, aktiviti kokurikulum dapat memperkaya kehidupan pelajar selepas kelas.
- ii. Kesimpulannya, aktiviti kokurikulum ***and*** pendidikan kelas adalah sama penting kepada pelajar.

iii. Antaranya, pelajar-pelajar akan bekerjasama dan bantu-*memantu*.

Mahasiswa mengeja perkataan mengikut cara sebutannya. Dalam hal ini mahasiswa perlu membuat latihan membaca dengan kuat supaya mahasiswa itu sendiri sedar dan ingat cara mengeja perkataan bahasa Melayu dengan tepat.



Gambar 3. Kesilapan ejaan.

CABARAN MENGUASAI BAHASA MELAYU

Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu mampu mengharungi pelbagai cabaran sehingga dapat diterima dan digunakan di peringkat dunia. Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu kini diangkat sebagai bahasa kelima terbesar di dunia (2014). Penguasaan bahasa Melayu yang baik dapat membantu mahasiswa memahami budaya hidup dan seterusnya dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Namun tidak mudah untuk kita memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan mahasiswa asing. Pelbagai cabaran yang ditempuhi oleh pensyarah sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Antaranya:

- i. Kurangnya peluang berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan penutur asli
- ii. Lebih gemar menggunakan bahasa ibunda ketika berbual-bual dengan rakan sekelas

- iii. Pengaruh bahasa ibunda dan dialek masing-masing
- iv. Kurangnya waktu untuk melatih bahasa Melayu dari segi pertuturan
- v. Perbezaan taraf bahasa antara mahasiswa juga menjadi cabaran dan menimbulkan kesukaran buat pensyarah

KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini, pembelajaran bahasa Melayu semakin berkembang di tanah besar China dengan bertambahnya jurusan bahasa Melayu di peringkat universiti di China. Hal ini ekoran keperluan modal insan yang berkemahiran bahasa asing dalam masyarakat dan negara mereka. Mempelajari sesuatu bahasa asing amatlah bermanfaat kepada sesiapa sahaja. Dengan memahami bahasa dan budaya sesebuah negara, barulah persahabatan dan persefahaman dapat diwujudkan antara kedua-dua negara iaitu negara China dan Malaysia. Kurikulum yang disusun oleh universiti di China dilihat bersesuaian dan mampu melahirkan mahasiswa yang berketerampilan dan mampu menguasai bahasa Melayu dengan sebaiknya. Walaupun pelbagai masalah dan cabaran yang timbul sepanjang mempelajari bahasa Melayu, namun masalah ini akan dapat diatasi dengan bantuan pensyarah dan kesungguhan mahasiswa itu sendiri. Kita dapat melihat kejayaan seorang mahasiswa dari GDUFS yang mewakili negara China dalam pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri pada tahun lalu telah berjaya merangkul juara dan mengalahkan pesaing dari negara lain yang tidak kurang hebatnya terutamanya dari negara Jerman dan Perancis. Berita ini telah menunjukkan kehebatan bahasa Melayu mahasiswa dari China di seluruh negara.

Pengalaman penulis sendiri dari GDUFS dan YMU yang mengajar bahasa Melayu di China juga tidak kurang hebatnya. Pengalaman tersebut bermula daripada mengajar asas sebutan hinggalah mampu bertutur dengan lancar persis penutur natif bahasa Melayu kepada mahasiswa di China. Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran tersebut menuntut kesabaran dan kecekalan pensyarah untuk mereka cipta suasana pembelajaran yang disenangi oleh mahasiswa. Hal ini kerana mahasiswa pada peringkat universiti pastilah mempunyai pemikiran yang tersendiri dalam proses pembelajaran terutama pembelajaran bahasa asing. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing ini juga bergantung kepada usaha mahasiswa itu sendiri manakala pensyarah sebagai mentor. Pensyarah juga sentiasa memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada pelajar supaya sentiasa bangga dengan kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini supaya pelajar sentiasa bersemangat untuk terus mendalami ilmu berkaitan bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Awang Sariyan. 2011. *Kursus Wajib Bahasa Melayu Kepada Pelajar Asing: Mengharapkan susulan konkrit*. Dicapai pada 11 Mei 2019 daripada <http://klikweb.dbp.my/?p=1330>
- Bahasa Melayu Bahasa Buana*. 2014. Pelita Bahasa. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Dahalan. 2000. *Pedoman Umum dan Sebutan Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah. 2014. *Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman Di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*. Prosiding Seminar Teaching & Learning In The 21st Century: Challengers for Lecturers and Teachers, OUM.
- Li Wanjun & Zaiton Zakarya. 2019. *Pembangunan Kurikulum Bersepadu Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong, China*. Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Kedua 2019, Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman.

- Maiziam Alias. 2017. *Teknik Menulis Cadangan Penyelidikan, Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mesyuarat Meja Bulat Perkembangan Jurusan Bahasa Melayu di China Kali Pertama di BFSU. (CRI Online) Dicapai pada 10 Mei 2019, daripada <http://malay.cri.cn/20190107/43ae319f-52ce-c963-e1aa-f268cf0d8679.html>
- Nathesan, S.1991. *Pendekatan dan Teknik Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. 2017. *Kekangan Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing*. Proceedings of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL).
- Zhang Xian. *Mempelajari dan Menggunakan Bahasa Melayu sebagai Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Beijing Foreign Studies University dan China Radio International*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Bahasa Melayu, UPM.

LAMPIRAN



Gambar pensyarah dan mahasiswa tahun akhir Jabatan Bahasa Melayu, GDUFS, China.



Gambar pensyarah dan mahasiswa Jabatan Bahasa Melayu, YMU, China.

